

1. Pelbagai insentif disediakan untuk meningkatkan _____ hasil padi para petani.

- ☐ A keluaran
- ☐ B terkeluar
- ☐ C pengeluar
- ☐ D pengeluaran



2. Menteri Pendidikan telah mengumumkan _____ kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Kluster.

- ☐ A terancang
- ☐ B dirancang
- ☐ C perancang
- ☐ D rancangan

3. Puan Maziah memberikan _____ kepada anak-anaknya untuk menonton televisyen dan bermain permainan video pada setiap hujung minggu.

- ☐ A kelonggaran
- ☐ B pelonggaran
- ☐ C melonggarkan
- ☐ D memperlonggar

4. Pengarang novel itu terlibat dalam _____ manuskrip buku cerita kanak-kanak.

- ☐ A semakan
- ☐ B penyemak
- ☐ C menyemak
- ☐ D penyemakan

5. Orang ramai tidak dibenarkan menghampiri kawasan _____ itu kerana pihak polis masih menjalankan siasatan lanjut.

- ☐ A menjadikan
- ☐ B dijadikan
- ☐ C kejadian
- ☐ D menjadi

6. Para pelabur dari Amerika Syarikat mempunyai _____ yang tinggi terhadap potensi pelaburan di negara kita.

- ☐ A meyakinkan
- ☐ B keyakinan
- ☐ C meyakini
- ☐ D diyakini

7. Notis _____ tentang pembinaan surau baharu di kawasan perumahan itu telah d _____ kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut.

- ☐ A diberitahu
- ☐ B memberitahu
- ☐ C pemberitahuan
- ☐ D memberitahukan

8. Kes _____ kanak-kanak itu selesai selepas pihak polis menahan tiga orang suspek di sebuah rumah.

- ☐ A diculik
- ☐ B penculik
- ☐ C menculik
- ☐ D penculikan

9. Pelbagai jenis _____ yang lazat disediakan untuk para tetamu sewaktu majlis perkahwinan Farah Adila tempoh hari.

- ☐ A dimakan
- ☐ B makanan
- ☐ C memakan
- ☐ D pemakanan

10. Pendidikan alam sekitar adalah antara strategi penting dalam _____ alam sekitar.

- ☐ A pengurus
- ☐ B diluruskan
- ☐ C pengurusan
- ☐ D menguruskan

11. Seminar tentang langkah-langkah _____ najis dadah akan diadakan di sekolah itu.

- ☐ A dicegah
- ☐ B pencegah
- ☐ C mencegah
- ☐ D pencegahan

12. Aspek _____ akan menjadi topik perbincangan utama dalam forum perdana itu.

- ☐ A penduduk
- ☐ B menduduki
- ☐ C kedudukan
- ☐ D kependudukan

13. Surat sokongan _____ jawatan untuk Encik Baharin sudah pun ditandatangani wakil rakyat itu.

- ☐ A pemohon
- ☐ B memohon
- ☐ C permohonan
- ☐ D memohonkan

14. Pihak _____ syarikat diminta membantu meningkatkan prestasi para pekerja.

- ☐ A urusan
- ☐ B pengurus
- ☐ C berurusan
- ☐ D pengurusan

15. Pihak berkuasa telah menahan seorang tekong dan tiga orang awak-awak warganegara asing yang menangkap ikan di _____ Sabah.

- ☐ A dialiri
- ☐ B perairan
- ☐ C mengairi
- ☐ D pengairan

16. Pihak penguat kuasa telah menjalankan _____ mengejut terhadap restoran itu untuk menilai tahap kebersihannya.

- ☐ A pemeriksa
- ☐ B memeriksa
- ☐ C peperiksaan
- ☐ D pemeriksaan

17. _____ Puan Liza sekeluarga bertambah susah sejak suaminya diberhentikan kerja.

- ☐ A Hidupan
- ☐ B Kehidupan
- ☐ C Penghidupan
- ☐ D Menghidupkan

18. Filem pertama _____ beliau akan mula ditayangkan di pawagam-pawagam di seluruh tanah air pada hujung bulan ini.

- ☐ A arahan
- ☐ B pengarah
- ☐ C pengarahannya
- ☐ D kepengarahan

19. Adeera gemar berjoging di taman rekreasi atau bersenam di gimnasium pada hari _____.

- ☐ A lepasan
- ☐ B kelepasan
- ☐ C pelepasan
- ☐ D perlepasan

20. Sejak kematian bapanya, ibunyalah yang menjadi tempat _____nya kini.

- ☐ A menggantung
- ☐ B bergantung
- ☐ C pergantungan
- ☐ D penggantungan